



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KPKM PASTIKAN PINDAAN AKTA 522 SIAP, DIKUATKUASAKAN TAHUN INI, ASTRO AWANI -ONLINE PINDAAN AKTA 522 DIJANGKA SIAP TAHUN INI -MOHAMAD SABU, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	DOF SERU MASYARAKAT PELIHARA KELESTARIAN MAMALIA MARIN, WILAYAHKU.COM -ONLINE MARITIM MALAYSIA BURU NELAYAN RAKUS, NASIONAL, SH -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8.	MENJAHIT PUKAT, MUKA DEPAN, UM -1 HARGA LANTAI PADI STABILKAN HARGA BERAS, DALAM NEGERI, UM -31 PERLIS PERLU RM40 JUTA TINGKATKAN SISTEM PENGAIRAN, DALAM NEGERI, UM -34 TEKNOLOGI MODEN TINGKAT KECEKAPAN PENGELAURAN PADI, IMBANGI SUBSIDI, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM pastikan pindaan Akta 522 siap, dikuatkuasakan tahun ini



Datuk Seri Mohamad Sabu berucap pada Majlis Bantuan Wang Persekolahan Agrobank 2025 dan Pelepasan Anak Ikan Tilapia Aquaculture Aspire di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun Seksyen 32 Shah Alam hari ini. - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memastikan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) dapat dipersiapkan dan seterusnya dikuatkuasakan pada tahun ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pindaan bagi meningkatkan penguatkuasaan untuk membendung kegiatan menukar beras tempatan menjadi beras import itu turut mengambil kira penyelidikan yang dijalankan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

"Kita akan pinda akta ini dengan mengambil rekomendasi oleh MyCC yang terlibat membuat penyelidikan berhubung isu padi dan beras.

"Dari situ kita akan buat perubahan yang perlu bagi mengatasi isu itu termasuk memperkuat pemantauan sekali gus mengambil tindakan terhadap pihak yang melanggar undang-undang berkenaan," katanya mengulas mengenai sasaran masa ditetapkan kementerian bagi menyiapkan pindaan akta itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan persekolahan Agrobank 2025 dan pelepasan anak ikan Tilapia Aquaculture Aspire di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun di sini hari ini.

Pada Khamis lepas, Mohamad ketika menggulung perbahasan selepas sesi penerbangan khas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Parlimen dilaporkan berkata kerajaan bersetuju meminda Akta 522 yang masih longgar dari segi penguatkuasaan ke atas pengilang, pemborong dan peruncit dalam usaha membendung kegiatan menukar beras tempatan menjadi beras import.

Mohamad berkata Akta 522 tidak menyenaraikan kesalahan mencampurkan beras tempatan dengan beras import, sebaliknya hanya menetapkan tujuh jenis kesalahan antaranya menyorok beras dengan tujuan mewujudkan kekurangan bekalan.

Berhubung pelepasan anak ikan tilapia, Mohamad berkata Program Aquaculture Aspire anjuran Agrobank itu menyasarkan penglibatan 20 sekolah terpilih untuk pelaksanaan pendidikan akuakultur berasaskan teknologi bioflok.

Beliau berkata sekolah terpilih akan dibekalkan dengan satu kolam bersaiz 18 kaki persegi beserta 1,500 anak ikan tilapia yang berpotensi menjadi inisiatif keusahawanan yang menjana pendapatan kepada sekolah.

"Setiap kolam berharga RM15,000 dan boleh memuatkan 1,500 anak ikan yang jika dijaga dengan baik, hasilnya boleh dituai dalam tempoh tiga bulan dengan purata dua ekor bersamaan seberat satu kilogram," katanya.

Terdahulu, Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja menyampaikan sumbangan persekolahan yang menyaksikan 200 pelajar menerima wang tunai RM150 beserta keperluan seperti beg sekolah, alat tulis dan botol air. Turut hadir pada majlis itu Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	BERITA RTM	ONLINE	

Pindaan Akta 522 dijangka siap tahun ini- Mohamad Sabu



"Dari situ, kita akan membuat perubahan-perubahan dan sekarang kita akan fokus pada enam bulan pertama. Enam bulan kedua nanti, kita akan bincang lagi tentang soal pemantauan campuran beras dan

"Kita juga akan menubuhkan pasukan yang anggotanya seramai 1,200 orang dalam Kementerian Pertanian, yang digabungkan dengan tenaga

penguatkuasaan untuk kita mengambil tindakan terhadap sebarang perkara yang dianggap melanggar undang-undang," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Wang Persekolahan Agrobank 2025 dan Pelepasan anak ikan Tilapia Aqualculture Aspire di sini.

Jelas beliau, Akta 522 itu ketika ini tidak menyenaraikan tindakan mencampurkan beras tempatan dengan import sebagai satu kesalahan.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju meminda akta itu bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas pengilang, pemborong dan peruncit.

Ketika ini, akta berkenaan hanya menyenaraikan tujuh jenis kesalahan, termasuk menyorok beras, menjual beras tanpa lesen, serta menjualnya melebihi harga kawalan yang ditetapkan.

[#Mohamad Sabu](#)

[#AKTA 522](#)

[#MyCC](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	WILAYAHKU.COM	ONLINE	

DOF seru masyarakat pelihara kelestarian mamalia marin



SEMPENA Hari Paus Sedunia, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menekankan kepentingan pemuliharaan paus dan mamalia marin lain bagi memastikan keseimbangan ekosistem laut negara.

Jabatan Perikanan Malaysia memberitahu walaupun kehadiran paus di perairan Malaysia bukanlah sesuatu yang luar biasa, mamalia ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelestarian biodiversiti marin serta menjadi indikator kepada

kesihatan ekosistem laut.

“Paus bungkuk (Humpback Whale) dari kawasan barat laut Lautan Pasifik, misalnya, berkemungkinan melintasi perairan Malaysia dalam perjalanan ke kawasan pembiakan yang lebih panas.

“Perairan tropika juga menjadi lokasi sesuai bagi anak paus yang baru lahir kerana mereka masih belum memiliki lapisan lemak yang mencukupi untuk bertahan di perairan sejuk,” ujarinya dalam kenyataan media.

Tambahnya, walaupun kehadiran paus merupakan petanda positif kepada ekosistem laut, beberapa ancaman perlu diberi perhatian.

“Paus berisiko terperangkap di kawasan perairan cetek, sekali gus menyukarkan mereka kembali ke lautan dalam. Selain itu, gangguan manusia seperti pergerakan kapal dan pencemaran bunyi boleh menjejaskan tingkah laku semula jadi spesies ini.

“Dari segi keselamatan manusia, saiz paus yang besar boleh menyebabkan risiko kecederaan sekiranya dihampiri terlalu dekat, selain berpotensi merosakkan bot atau kapal kecil akibat tindak balas defensif.

“Salah satu isu yang sering dikaitkan dengan paus ialah ambergris, atau lebih dikenali sebagai muntah paus, yang merupakan bahan berharga dan hanya dihasilkan oleh paus sperma (Sperm Whale). Permintaan tinggi terhadap bahan ini telah mengakibatkan ancaman pemburuan haram,” ujarinya.

Tegasnya, Di Malaysia, perlindungan terhadap paus diperuntukkan di bawah Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 yang melarang sebarang gangguan, penangkapan, pemilikan atau penjualan paus tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Selain itu, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) menetapkan keperluan permit CITES untuk perdagangan bahagian atau produk paus.

“DOF turut menyeru masyarakat untuk bersama-sama memelihara populasi paus dan mamalia marin lain dengan mematuhi undang-undang, mengelakkan pencemaran plastik, serta menyokong usaha pemuliharaan yang dijalankan oleh kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), universiti dan komuniti setempat.

**"Sempena Hari Paus Sedunia, marilah kita bersama-sama memastikan
khazanah laut negara terus terpelihara demi generasi akan datang," katanya. – WILAYAHKU**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	20



Maritim Malaysia buru nelayan rakus

Seorang anggota Maritim Malaysia mengesan kedudukan bubu naga yang diharamkan penggunaannya.

Ubah lokasi, pasang GPS pada bubu naga elak dicekup

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
KUALA KEDAH

Mengubah lokasi dan memasang alat peranti sistem kedudukan sejagat (GPS) pada bubu naga, antara taktik nelayan dalam penggunaan kaedah penangkapan ikan yang diharamkan.

Pengarah Zon Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, antara taktik lain yang dikesan termasuk meletakkan pelampung sebagai penanda kepada penggunaan alatan larangan itu.

Menurutnya, bot ronda Maritim Malaysia menemui pelbagai taktik penyamaran yang digunakan bagi mengaburi mata pihak berkuasa sepanjang operasi khas rampasan bubu naga yang dijalankan dalam tempoh 36 jam bermula Jumaat lepas.

"Kita mengesan antara taktik yang digunakan adalah dengan mengubah lokasi semasa pemasangan bubu naga dan meletakkan pelampung penanda seperti botol, pancang kayu, gabus putih atau peranti GPS pada setiap bubu naga yang berukuran kira-kira 10 meter panjang itu," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, dalam operasi terbabit, sebanyak 350 set bubu naga atau bubu kambing berjaya dirampas bernilai anggaran RM53,000.



Bubu naga yang dirampas oleh anggota Maritim Malaysia ketika melaksanakan operasi di perairan negara berdekatan Kuala Kedah.

Menurut Noor Azreyanti, operasi ini merupakan hasil pemantauan yang dilaksanakan di beberapa lokasi di sepanjang perairan Kuala Kangkong sehingga ke Kuala Kedah.

Menurutnya, kesemua bubu naga yang dirampas dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk siasatan bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.

"Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang dan sentiasa komited dalam meneruskan pengoperasian serta rondaan di sepanjang Zon Maritim Malaysia bagi mengekang aktiviti haram di perairan negara.

"Pihak Zon Maritim Kuala Kedah turut mengalu-alukan orang ramai bagi melaporkan sebarang aktiviti jenayah atau kecemasan di laut melalui talian 999 atau Pusat Operasi Maritim Malaysia Zon Maritim Kuala Kedah di talian 04-7310579," katanya.

INFO

Bubu naga antara kaedah penangkapan hasil laut yang tidak berlesen dan merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negara.

Ia memiliki spesifikasi yang berbeza dengan bubu yang dilesenkan Jabatan Perikanan kerana memiliki lebih dua injap bagi setiap unit bubu naga.

Bubu naga kebiasaannya diletakkan di muara sungai di antara 0.5 batu nautika hingga lima batu nautika kerana kawasan ini merupakan tempat pembiakan ikan, udang dan ketam.

Bubu naga diharamkan penggunaannya berikutan kaedah menangkap ikan itu mampu memerangkap serta mengancam hidupan laut yang lebih kecil selain merosakkan ekosistem dasar laut negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Menjahit pukat

NELAYAN pesisir pantai, Mat Zaki Jais, 63, (kiri) dan Mazlan Muda, 47, memanfaatkan masa tidak turun ke laut, membaiki pukat udang yang rosak disebabkan cuaca Monsun Timur Laut yang masih belum berakhir di Kampung Bukit Tunggul, Kuala Nerus. - UTUSAN/ PUOTRA HAIRRY



SHAM Mat Sahat (dua dari kanan) pada majlis penyerahan bantuan bencana tanaman padi kepada pesawah di Bagan Serai semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Harga lantai padi stabilkan harga beras

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusalnews@mediamulla.com.my

BAGAN SERAI: Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak menyambut baik harga lantai belian padi yang diselarasakan pada kadar RM1,500 per tan.

Pengerusinya, Datuk Sham Mat Sahat berkata, keputusan itu sudah pasti dibuat selepas kajian menyeluruh yang mengambil kira pelbagai faktor termasuk kestabilan harga beras di pasaran.

Menurutnya, Persatuan Pesawah Malaysia mencadangkan harga lantai belian padi dinaikkan kepada RM1,800 per tan namun kerajaan berpendapat kenaikan sehingga tahap tersebut berpotensi meningkatkan kos lain dalam rantaian pengeluaran

padi.

"Saya berpendapat harga lantai belian padi RM1,500 per tan yang diumumkan kerajaan sudah memadai buat masa ini kerana ia turut disertai dengan kawalan harga dan pelbagai subsidi tambahan."

"Tersatuan Pesawah masih boleh terus menuntut kenaikan pada masa akan datang jika perlu," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Tanaman Padi (TBTP) di Dewan Komuniti Bagan Serai di sini semalam.

Sham berkata, sebelum ini harga lantai belian padi ialah RM1,300 per tan namun terdapat pengilang swasta yang membeli sehingga RM1,800 per tan.

Menurutnya, ini menyebabkan

kan peningkatan harga beras di pasaran dan menimbulkan rungutan para pengguna.

"Dengan pelarasan kadar baharu ini, kerajaan yakin harga beras dapat dikawal dengan lebih baik."

"Namun begitu, terdapat jangkaan pengilang swasta mungkin akan menawarkan harga belian lebih tinggi-mungkin sehingga RM2,000 per tan bagi mendapatkan bekalan padi," katanya.

Sementara itu, pada majlis Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Tanaman Padi (TBTP) itu, sebanyak RM813,081 diperuntukkan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada 702 pesawah di negeri ini yang terkesan akibat kemarau dan banjir.

Perlis perlu RM40 juta tingkatkan sistem pengairan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Perlis memerlukan peruntukan lebih RM40 juta untuk menyelesaikan isu sistem pengairan di seluruh kawasan penanaman padi di negeri ini yang sekali gus mampu membantu meningkatkan produktiviti.

Masalah infrastruktur khususnya berkaitan sistem pengairan di kebanyakan kawasan menjadi antara faktor pesawah sukar melaksanakan penanaman padi lima kali dua tahun.

Hasil pengeluaran padi di Perlis adalah sekitar 154,975,325 tan metrik semusim merangkumi kawasan tanaman seluas 27,883.29 hektar melibatkan keseluruhan 17,930 pesawah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, bagi melaksanakan tanaman padi lima kali dua tahun ia memerlukan kawasan saliran yang baik, sekali gus memudahkan air keluar dan masuk.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kerajaan Persekutuan diharap dapat menyuntik peruntukan untuk

PESAWAH sukar melaksanakan penanaman padi lima kali dua tahun tanpa sistem pengairan yang baik.



tujuan tersebut memandangkan Perlis merupakan antara negeri penyumbang pengeluaran beras negara.

Ujarnya, Perlis juga boleh melonjakkan pengeluaran beras negara antara 15 hingga 20 peratus jika tanaman padi dilaksanakan melalui sistem pengairan lebih sempurna.

"Kita sukar mengusahakan tanaman seperti di Sekinchan, Selangor kerana masalah sistem pengairan ini. Di Sekinchan,

mereka mendahulukan sistem pengairan, baru kawasan tanaman," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, produktiviti pengeluaran padi di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu masih rendah berbanding di Sekinchan.

Razali berkata, produktiviti pengeluaran padi di negeri ini masih rendah disebabkan be-

berapa faktor seperti isu benih tidak berkualiti, sistem pengairan dan sikap segelintir pesawah khususnya berkaitan jadual penanaman serta penjagaan.

"Sebelum ini ada benih yang teruk kualitinya dan kita berharap kualiti benih padi ini dapat dijiaga sebaik mungkin. Pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan benih padi ini diharap dapat memperketatkan lagi proses-proses yang perlu ada dan sebagainya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/2/2025	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Teknologi moden tingkat kecekapan pengeluaran padi, imbangi subsidi

- Kerajaan bukan sahaja perlu memastikan harga lantai belian padi adil, malah memperkukuh mekanisme subsidi dan sokongan kepada pesawah serta pemain industri lain

- Jika kerajaan mengurangkan subsidi, pesawah akan mengalami kesulitan kerana harga lantai sedia ada mungkin tidak mencukupi untuk menampung kos pengeluaran mereka



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Wang dan Bank, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman kerajaan mengenai kenaikan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 per tan berkuat kuasa pada 16 Februari mencebaskan pelbagai reaksi dalam kalangan pesawah dan pemain industri.

Keputusan ini dibuat berdasarkan pertimbangan kos pengeluaran semakin meningkat, termasuk kenaikan harga baja, racun perosak dan kos buruh.

Walaupun langkah ini dilihat sebagai usaha meringankan beban pesawah, ada mengangap ia masih belum memenuhi tuntutan mereka yang mendesak harga lantai dinaikkan kepada RM1,800 per tan.

Persoalannya, sejauh mana kenaikan ini benar-benar membantu pesawah dan bagaimana kesannya terhadap rantaian bekalan beras di negara ini?

Dalam konteks lebih luas, isu harga lantai belian padi bukan hanya berkaitan keuntungan pesawah semata-mata, bahkan membabitkan ekosistem industri padi dan beras secara keseluruhan.

Antara cabaran utama ialah keupayaan kilang penggilingan untuk terus beroperasi dalam keadaan harga pembelian padi yang tinggi. Jika harga lantai dinaikkan secara mendadak tanpa mekanisme sokongan jelas, kilang kecil khususnya milik Bumiputera mungkin tidak mampu bersaing kerana masalah modal pusingan terhadap.

Keadaan ini boleh memberi kesan domino kepada industri, termasuk kekurangan bekalan beras tempatan dan peningkatan harga beras di pasaran.

Kerajaan juga mengekalkan harga beras putih tempatan pada RM2.60 per kilogram dengan memperuntukkan RM150 juta kepada pengilang bagi memastikan bekalan mencukupi.

Walaupun langkah ini dapat mengekang kenaikan harga beras dalam jangka pendek, ia tidak menyelesaikan isu ketidakseimbangan antara harga beras tempatan dan import.

Jika harga beras import turun terlalu rendah, beras tempatan mungkin kehilangan daya saing, menyebabkan lebih stok tidak dapat dijual. Tambahan pula, terdapat dakwaan sesetengah

pihak mencampurkan beras tempatan dengan beras import untuk dijual pada harga lebih tinggi, mengaburkan ketelusan pasaran dan memberi kesan kepada pengguna.

Bagi menangani cabaran ini, kerajaan bukan sahaja perlu memastikan harga lantai belian padi adil, malah memperkukuh mekanisme subsidi dan sokongan kepada pesawah serta pemain industri lain.

Penyediaan subsidi diesel kepada pengusaha jentera dan sektor pengangkutan antara langkah sedang dipertimbangkan, yang dijangka dapat mengurangkan kos operasi pesawah.

Perlu dilaksana dengan ketelusan

Namun, mekanisme ini perlu dilaksanakan dengan ketelusan bagi mengelakkan ketirisan dan penyalahgunaan subsidi.

Realitinya, industri padi dan beras antara sektor strategik dalam memastikan keselamatan makanan negara. Malaysia, sebagai negara masih bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan beras domestik, sudah lama menyediakan pelbagai bentuk subsidi bagi menyokong pesawah dan industri padi tempatan.

Antara langkah utama kerajaan mengawal kestabilan industri adalah dengan menetapkan harga lantai padi sebanyak RM1,500 per tan. Namun, apabila dibandingkan dengan anggaran subsidi diberikan kerajaan berjumlah antara RM2,740 hingga RM4,825 per tan, timbul persoalan sama ada dasar ini benar-benar memberi manfaat kepada semua pihak atau sekadar menyelamatkan industri daripada kejatuhan.

Harga lantai RM1,500 per tan bertujuan menjamin pendapatan minimum pesawah agar tidak mengalami kerugian akibat turun naik harga pasaran. Namun, realiti di lapangan menunjukkan kos pengeluaran sebenar bagi setiap tan metrik padi boleh mencecah antara RM1,080 hingga RM3,250, bergantung kepada pelbagai faktor seperti penggunaan teknologi, keadaan tanah dan akses kepada sumber air.

Ini bermakna bahawa bagi sesetengah pesawah mempunyai kos pengeluaran rendah, harga lantai ini memberi keuntungan. Namun, bagi mereka menghadapi kos pengeluaran tinggi, harga lantai ini masih tidak mencukupi tanpa campur tangan kerajaan melalui subsidi.

Bagi memastikan industri padi terus berdaya saing dan pesawah tidak meninggalkan sektor

ini, kerajaan terpaksa menyediakan subsidi dalam pelbagai bentuk. Subsidi diberikan kepada pesawah merangkumi bantuan benih, baja, racun perosak, pengairan, mekanisasi, insentif harga padi, skim insurans, bantuan musim tengkujuh serta subsidi kepada kilang penggilingan dan pengedaran beras.

Semua ini menjadikan jumlah subsidi ditanggung kerajaan jauh lebih tinggi berbanding harga lantai itu sendiri.

Subsidi kerajaan dalam industri padi dan beras di negara ini memberi manfaat meluas, merangkumi seluruh rantaian bekalan daripada pesawah hingga pengguna akhir.

Pesawah, sebagai penggerak utama industri, menerima pelbagai bentuk bantuan seperti subsidi baja, benih, mekanisasi dan insentif harga padi. Pengusaha sawah pula mendapat manfaat melalui skim insurans serta subsidi pengairan, yang membantu mengurangkan risiko dan kos operasi mereka.

Kilang penggilingan turut menerima faedah dalam bentuk subsidi tenaga elektrik dan insentif pengeluaran, yang membolehkan mereka mengurangkan kos pemrosesan dan mengekalkan harga beras kompetitif di pasaran.

Pengedar dan peruncit tidak ketinggalan, dengan bantuan subsidi pengedaran dan kawalan harga yang memastikan kestabilan harga beras untuk pengguna.

Akhirnya, pengguna menikmati harga beras lebih rendah kerana subsidi membantu mengekang kenaikan kos sebenar pengeluaran.

Tanpa subsidi ini, harga beras tempatan yang kini dijual antara RM2.60 per kilogram berkemungkinan meningkat kepada RM5 hingga RM7 per kilogram.

Kenaikan sedemikian akan memberi tekanan ekonomi signifikan kepada rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, peranan subsidi kerajaan adalah kritikal dalam memastikan kestabilan harga dan kesejahteraan semua pihak dalam rantaian bekalan industri padi dan beras negara.

Dengan jumlah subsidi begitu tinggi, timbul persoalan sama ada harga lantai RM1,500 relevan atau perlu dikaji semula. Jika harga lantai dinaikkan, pesawah akan mendapat manfaat lebih besar, tetapi kos kepada pengilang dan pemborong juga akan meningkat, akhirnya akan menaikkan harga beras kepada pengguna.

Sebaliknya, jika kerajaan mengurangkan subsidi, pesawah akan mengalami kesulitan kerana harga lantai sedia ada mungkin tidak mencukupi untuk menampung kos pengeluaran mereka.

Alternatif terbaik adalah dengan meningkatkan kecekapan pengeluaran melalui penggunaan teknologi moden dalam pertanian, penyelidikan benih berkualiti tinggi, serta sistem pengairan lebih baik.

Dengan ini, kos pengeluaran padi dapat dikurangkan tanpa perlu terlalu bergantung kepada subsidi kerajaan. Isu harga lantai belian padi tidak boleh dilihat secara terasing daripada keseluruhan rantaian industri padi dan beras.

Ia memerlukan pendekatan holistik yang mempertimbangkan kepentingan pesawah, pengilang pengedar dan pengguna.

